



HARUN



ISMAIL

## UMSKAL tuan rumah

# Sukan Staf UMS Fasa 1 2014

UB 24.1.2014 A14

**LABUAN:** Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menjadi tuan rumah Kejohanan Sukan Staf UMS ke-14 Fasa 1 pada 24 hingga 26 Januari ini.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, seramai 800 atlet dan pegawai yang mewakili lapan kontinjen akan bersaing di kejohanan tiga hari itu.

Katanya, lapan kontinjen itu ialah Royal Esteem, D'Arts, Hercules, Twin Tower, D'Six, SPL Eagles, Science United dan tuan rumah 1KAL.

Beliau berkata, mereka akan bertarung dalam lapan acara iaitu bola sepak pantai lelaki dan wanita, kayak, bola tampar wanita, dart, badminton, sepak takraw, catur dan golf.

Ismail berkata, semua acara akan berlangsung di sekitar kampus UMSKAL kecuali sepak takraw di gelanggang sepak takraw Jabatan Belia dan Sukan Labuan dan golf di Padang Golf Labuan.

Kejohanan Sukan UMS itu akan dirasmikan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah

pada 24 Januari bermula jam 7 malam di Padang Kawad UMSKAL.

Ismail yang mewakili warga UMSKAL mengalu-alukan kehadiran semua staf UMS termasuk pegawai utama, pegawai kanan, pensyarah dan kakitangan sokongan ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau yakin melalui Sukan Staf itu hubungan baik yang sedia terjalin antara warga UMS akan berterusan dan berkekalan.

“Kita gunakan Sukan Staf sebagai medan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan staf UMS selain mengenali Wilayah Persekutuan Labuan dengan lebih dekat sambil membeli-belah,” katanya.

Ismail turut mempelawa warga Labuan untuk menyaksikan kejohanan sukan itu yang bakal menyajikan aksi menarik kerana ramai Staf UMS pernah mewakili UMS ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kejohanan Sukan Staf Fasa 2 akan diadakan di UMS Kota Kinabalu pada 13 hingga 17 Februari depan.